

**B.H. - 8 AUG 1973**

**KUALA LUMPUR,** — Sebarang perusahaan boleh diambil sebagai "hak milik negara" jika kepentingan kebangsaan berkehebdakan demikian. syor Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Negara hari ini.

Katanya, Kerajaan janganlah teragak-agak untuk mengambil tindakan ini sekalipun ekonomi negara berlandaskan sistem perdagangan bebas.

Senator Dr. Mahathir bercakap dalam debat Rang Undang-undang Letrik (Pindaan) yang diluluskan sebulat suara.

Beliau menyokong rang undang-undang itu dan yakin akan membawa keuntungan yang banyak kepada rakyat.

Sungguh malang, kata Dr. Mahathir, bila sesuatu itu hendak dijadikan hak milik negara, pihak pen-



**DR. MAHATHIR**

tadhirnya tersalah terima matlamatnya yang sebenarnya.

"Maka soal hak milik negara ini pun diketepikan, walaupun tujuan tersebut semata-mata untuk kepentingan badan badan berkanun itu sendiri," tegasnya.

Dr. Mahathir menyebut bahawa LLN dalam pelaksanaan projek-projeknya lebih memberatkan atau mementingkan rancangan-rancangan yang mendatangkan keuntungan kepada pihaknya sahaja.

"Ini nyata berlaku kerana LLN lebih berminat untuk membekalkan letrik di kawasan-kawasan bandar yang ramal penduduknya sahaja.

"Sedangkan kawasan-kawasan luar bandar, terutama yang kurang penduduk kurang mendapat perhatian pihak berkenaan," tambah Dr. Mahathir.

Tegasnya, Kerajaan mengambil langkah menjadikan LLN hak milik negara bukanlah untuk kepentingannya sahaja, tetapi setelah memperhetongkan kepentingan rakyat seluruhnya.

"Kita mahu LLN membekalkan letrik kepada rakyat di kawasan luar bandar dan jangan mengejar untung sahaja," tambahnya.

## Menderita

Dr. Mahathir juga menyentuh tentang kedudukan gaji kakitangan bawahan LLN yang agak menderita akibat kenaikan harga barang-barang keperluan sekarang.

Beliau merayu Kerajaan memberi pertimbangan yang istimewa kepada golongan itu.

Senator Datuk Haji Abdul Razak Hussain, pula mahu LLN melaksanakan setiap projeknya dengan teliti dan kalau boleh mesti lebih dari yang direncanakan demi kepentingan rakyat.

Datuk Haji Abdul Razak mahu Kerajaan juga meneliti perjalanan dan kegiatan LLN tiap dua tahun sekali.

Senator Shaari Jusoh juga setuju LLN jangan mementingkan keuntungan sahaja dalam melaksanakan projek-projeknya.

Beliau kurang puashati dengan sistem pentabiran LLN di Perlis sekarang yang menurutnya tidak berjalan lancar.

Senator Datuk Nik Hassan pula mengesyorkan ditambah lagi tenaga ahli-ahli Lembaga Pengarah LLN.

## Nafikan

Katanya, Kerajaan perlu membuat pilihan yang teliti terhadap ahli Lembaga Pengarah itu disamping menambahkan bilangan ahli-ahlinya seperti yang ada sekarang.

Senator Datuk Mansor Muhammad kesal kerana setengah-setengah negeri termasuk Trengganu masih jauh ketinggalan untuk mendapat bekalan letrik.

Bila menggulung debat, Menteri Kerjaraya dan Tenaga, Datuk Haji Ghani Gilong, menafikan LLN mementingkan keuntungan dalam membekalkan kuasa letrik kepada rakyat.

LLN, katanya, sentiasa berusaha untuk mengadakan bekalan letrik bukan sahaja di kawasan bandar, dan kawasan perusahaan, malah di kawasan luarbandar.

"Kita laksanakan setakat mana yang terdaya, tanpa membelakangkan kepentingan kawasan-kawasan luarbandar," tegasnya.

Beliau memberi jaminan LLN Kerajaan sendiri akan mencuba mengadakan bekalan letrik ke kawasan luarbandar seberapa yang segera yang boleh.

Selepas itu Dewan meluluskan Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) 1948.